

Heret Tommy ke mahkamah

**Keluarga Adib
dapat kebenaran
daripada
Mahkamah Koroner**

TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

SHAH ALAM



Haniff Khatri (depan, kiri) yang mewakili keluarga Adib hadir ke Mahkamah Tinggi Shah Alam semalam.

Keluarga Muhammad Adib Mohd Kassim berjaya memperoleh kebenaran daripada Mahkamah Koroner untuk memulakan prosiding komital (hina mahkamah) terhadap Peguam Negara, Tommy Thomas.

Ia berhubung punca dan campur tangan dalam inkues kematian anggota bomba dan penyelamat Subang Jaya terabit.

Koroner, Rofiah Mohamad membuat keputusan itu semalam selepas membenarkan permohonan ex-parte (sebelah pihak) yang difailkan bapa Muhammad Adib, Mohd Kassim Abdul Hamid.

Dalam keputusannya, Rofiah berkata, setelah meneliti affidavit dan hujahan kedua-dua pihak, mahkamah berpuas hati bahawa wujudnya prima facie

dalam satu tindakan dilakukan Tommy yang telah menjurus kepada penghinaan mahkamah.

"Semasa prosiding berlangsung, terdapat perkembangan untuk membolehkan peguam yang mewakili Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM), Syazlin Mansor, sekali gus mencacatkan dan memudaratkan perjalanan inkues ini.

"Afidavit yang dikemukakan bekas Pegawai Pengendali Hamdan Hamzah pada 3 April lalu



MOHD KASSIM

TOMMY

menjadi rentetan hingga wujudnya gesaan agar inkues yang sedang berjalan pada masa itu digantikan dengan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI)," katanya.

Menurut beliau, kes inkuiri kematian anggota bomba tersebut telah diklasifikasikan sebagai kes berprofil tinggi dan akan

menjadi perhatian rakyat.

"Setiap prosiding dilaporkan oleh media arus perdana ataupun media sosial," katanya.

**INKUES
ADIB**

Beliau berkata, perkara itu telah menimbulkan persepsi negatif terhadap inkues yang dijalankan olehnya atas arahan Peguam Negara sendiri untuk merungkai punca kematian Muhammad Adib.

"Ia meletakkan seolah-olah inkues ini sebagai satu wayang dan integriti serta ketelusan dipertikaikan," katanya.

Justeru, mahkamah menetapkan 23 September depan sebagai pendengaran dan pengurusan kes.

Dalam prosiding itu, peguam Hanif Katri Abdulla selaku pemohon mewakili keluarga Muhammad Adib, manakala peguam Kanan Persekutuan, S. Narkunavathy bertindak sebagai defendan mewakili Tommy.

Pada 16 Julai lalu, Mohd Kassim, 65, sebagai bapa Muhammad Adib memfailkan permohonan itu menerusi Tetuan Mohd Zubir Embong & Associate.